

ANCAMAN DADAH DAN PENGURUSAN KESELAMATAN DI MALAYSIA: PENILAIAN SEMULA PENDEKATAN PERLAKSANAAN DAN KEBERKESANANNYA

Mohamad Daud B. Hj Druis^{1*} & Zarina Othman¹

¹Program Strategi dan Hubungan Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak: Sehingga kini, masalah pengedaran dan penagihan dadah masih merupakan salah satu ancaman yang serius pada keselamatan negara Malaysia. Ancaman dari jenayah merentas sempadan antara negara ini, sukar dikawal disebabkan oleh dampak arus globalisasi yang memudahkan lagi peranan aktor bukan-negara menjalankan aktiviti mereka. Sehubungan itu, pihak berkuasa keselamatan di negara ini telah menggunakan pelbagai strategi bagi membendung masalah ini terutamanya penguatkuasaan dari segi undang-undang berkaitan dadah yang sedia ada. Namun, pendekatan pengurusan ancaman dadah yang diguna pakai pada masa kini dilihat tidak bersesuaian kerana dadah masih menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat. Permasalahan yang ingin diketengahkan ialah pengurusan pendekatan keselamatan sedia ada bagi memerangi ancaman dadah di negara ini masih terdapat pelbagai kelemahan. Dalam hal ini, antara lain, isu yang dibangkitkan masih lagi menjadi perbincangan hangat oleh para pembuat dasar dan pengkaji isu-isu keselamatan dalam negara. Selain itu, persoalan yang tidak kurang pentingnya juga adalah sama ada pendekatan konsep keselamatan negara terutama dari segi penguatkuasaan undang-undang yang sedang diguna pakai pada masa kini, berkesan bagi menjamin keselamatan insan di Malaysia. Bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, makalah ini telah menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif bagi mendapatkan data-data berkaitan dengan kajian. Data primer diperolehi adalah hasil daripada sesi temu bual dengan informan yang berkredebiliti dalam bidang berkaitan, manakala data sekunder pula diperolehi melalui analisa dokumen seperti statistik-statistik yang berkaitan daripada pihak-pihak penguatkuasa di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan literatur sebelum ini tidak membincangkan secara khusus masalah dadah dan hubungannya dengan konsep pengurusan pendekatan keselamatan insan, sebaliknya lebih menumpukan perbincangan kepada peri pentingnya mengaitkan pengurusan isu dadah dengan pengurusan pendekatan keselamatan negara. Sehubungan itu, hasil kajian juga mendapati bahawa wujudnya keperluan untuk menilai semula pendekatan keselamatan negara yang sedang diguna pakai masa kini, sebaliknya mengetengahkan pengurusan pendekatan keselamatan insan dalam menangani ancaman dadah semasa. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan supaya pengurusan pendekatan yang bersesuaian dan manjur perlu dilaksanakan secara holistik oleh pihak berwajib bagi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat.

Kata kunci: *dadah, globalisasi, aktor non-negara, keselamatan negara, keselamatan insan*

Abstract: To date, the issue of drug trafficking and addiction is still one of the most serious threats to national security in Malaysia. This cross-border crime is difficult to control due to among others the impacts of globalisation which further ease the non-state actors to carry out their activities. Thus, the relevant security authorities in this country have adopted various strategies to curb this problem especially by the enforcement of the relevant existing laws related to drugs. However, the approach of managing threats from drugs that is currently being practiced in Malaysia is seen as inappropriate due to its perceived impacts on the sustainability of the livelihood and sustainability of the community. The problem that is being highlighted is the weaknesses of the existing approach of security management to combat the threats from drugs in this in this country. In this regards, the issue raised is still being heavily discussed by the policy makers and the researchers on security issues in this country. In addition, another important question that needs to be considered is whether the implementation of the approach on national security especially the enforcement of existing laws are effective in ensuring human security in Malaysia. In order to answer these questions, this article employed qualitative research methodology to obtain the relevant data which are primary data from interview sessions with informants and secondary data from document analysis such as the relevant statistics obtained from the relevant authorities in Malaysia. This study found that much of the previous literatures have not specifically discussed drug problem and its relations with human security approach management concept, but instead has been focusing their discussions on the importance of relating the management of drug issue with national security

* E-mail: mdaud007@yahoo.com

approach. In this regards, the findings of this study have also indicated that there is a need to review the national security approach that is currently being practiced, and instead highlight the adoption of human security approach in addressing the current threats from drug. Therefore, this study proposed that the relevant authorities implement an appropriate and robust approach that is based on human security to ensure the well-being and sustainability of people's lives.

Keywords: *illicit drugs, globalization, non-state actors, national security, human security*

PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan arus globalisasi dan peningkatan penduduk di peringkat global, isu-isu keselamatan yang merentas sempadan turut meningkat. Isu-isu ancaman keselamatan dari aktiviti seperti penyeludupan senjata, penyeludupan manusia dan pengedaran dadah semakin mudah melebarkan jaringan dan kesannya bertambah serius kepada sesebuah negara. Di rantau Asia Tenggara, pengedaran dadah merupakan satu bentuk perdagangan haram yang berada pada kedudukan kedua paling menguntungkan selepas perniagaan senjata haram (UNODC, 2000). Ia juga menjadi isu utama yang memerlukan respons secara kolektif dalam arus globalisasi dan liberalisasi yang melanda di setiap negara. Jenayah penyeludupan dadah telah menjadi satu bentuk jenayah terancang yang merentas sempadan turut menjadi masalah utama di Malaysia. Menurut Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia 2011 (PDRM, 2011) terdapat dua kategori atau trend utama dalam kes pengedaran dadah di Asia Tenggara, pertama, mengedar dan menyeludup dadah jenis tradisional, manakala kedua, dadah jenis sintetik. Aktiviti jenayah terancang merupakan kegiatan jenayah serius dan bersistematik seperti yang dilaporkan oleh Biro Penyiasatan Persekutuan di Amerika Syarikat. Jenayah terancang ini adalah merupakan, "... *an organized crime enterprise is a continuing conspiracy, having an organized structure, fed by fear and corruption and motivated by greed*" (Banks et al., 2009).

Sehubungan dengan itu, kumpulan jenayah terancang yang menjalankan aktiviti pengedaran dan penggunaan dadah masih secara berleluasa walaupun dari segi sejarah, ianya telah dikawal di peringkat antarabangsa sejak dari tahun 1912 lagi. Berdasarkan perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan penggunaan dadah, masyarakat awam pada umumnya mempunyai kepentingan yang lebih utama untuk dilindungi dari sebarang kemudaratan disebabkan oleh penggunaan dadah, berbanding dengan kepentingan penggunaan individu walaupun atas alasan untuk tujuan berekreasi (Rodas et al., 2011). Di Malaysia, situasi masalah dadah masa kini semakin serius ekoran penemuan dan pengesanan keterlibatan ahli sindiket pengedaran dadah jenis sintetik berskala besar oleh pihak penguatkuasa. Antaranya pembongkaran yang dibuat oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap makmal-makmal dadah haram, kedai ubat-ubatan dan rampasan wang tunai hasil dari aktiviti pengedaran dadah. Selain itu, agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia juga turut menjalankan operasi penangkapan dan penguatkuasaan undang-undang secara aktif dalam membendung masalah dadah di Malaysia (PDRM, 2012).

Oleh sebab itu, permasalahan yang hendak diketengahkan ialah isu pengedaran dan penagihan dadah masih lagi menjadi perbincangan yang hangat di kalangan para pembuat dasar dan pengkaji masalah keselamatan di Malaysia. Dilemanya, sama ada dari perspektif atau pendekatan yang mana perlu diutamakan, sama ada pendekatan keselamatan negara atau fokus kepada pendekatan keselamatan insan patut dilaksanakan secara holistik. Dalam konteks akademik, setakat ini pengkaji telah membuat penelitian hasil kajian lepas terhadap beberapa buah penyelidikan yang merangkumi buku, jurnal, tesis/disertasi dan monograf yang berkaitan dengan tajuk penulisan makalah ini. Umumnya ulasan karya lepas, menggambarkan dadah merupakan masalah yang serius dan sebagai ancaman keselamatan kepada negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Selain dari itu, hasil pembacaan yang dibuat oleh penulis, di Malaysia pengurusan pendekatan keselamatan seakan-akan tidak menekankan tentang kepentingan keselamatan insan tetapi kebanyakan kajian memaparkan

tentang dadah memberi ancaman kepada keselamatan negara. Justeru, makalah ini akan mengupas secara ilmiah dadah dan hubungannya dengan pendekatan keselamatan insan serta pengurusan pelaksanaan pendekatan yang bersesuaian dalam menanganinya. Makalah ini mempunyai batasannya yang tersendiri, ia tidak mungkin dapat mengubah persepsi masyarakat tentang definisi keselamatan negara yang amat luas, namun dengan adanya konsep keselamatan insan akan dapat memberi perspektif yang berbeza dalam menangani masalah ancaman dadah di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Dadah dan ancaman kepada Keselamatan

Di Malaysia, penyeludupan, pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah telah menjadi satu isu besar yang memberikan ancaman kepada keselamatan negara (Abdullah Muhamed & Iran Herman, 1997; Winer, 1996). Para sarjana tersebut memberikan maklumat bahawa aktiviti penyeludupan terjadi hampir setiap hari di sempadan negara. Menurut Ismail Ahmad (2001) kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah mengalami peningkatan yang ketara dari semasa ke semasa. Kejayaan sindiket penyeludupan menembusi sempadan menimbulkan ancaman terhadap integriti sempadan negara Malaysia. Kemasukan secara haram ke dalam negara ini disifatkan sebagai membelakangi kredibiliti undang-undang negara dengan menunjukkan bahawa sempadannya tidak dikawal dengan efektif. Oleh sebab itu, ada tiga nilai asas utama bagi keselamatan Malaysia yang berkemungkinan atau boleh terjejas dengan perlakuan jenayah penyeludupan dan pengedaran dadah ini. Asas-asas yang dipertahankan ialah seperti Kedaulatan (*sovereignty*), Integriti Sempadan (*territorial integrity*), Kelangsungan hidup sistem politik, sosial, ekonomi dan peradaban sesebuah negara termasuk masyarakatnya (*political, social, economic, and cultural survival*) (Kamarulnizam Abdullah & Mahmud Embong, 1999). Rajah 1 menunjukkan kedudukan geografi Malaysia yang mempunyai pantai yang amat panjang, dikelilingi oleh Laut Cina Selatan dan Selat Melaka, serta bersempadanan dengan Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura. Keadaan ini memudahkan Malaysia untuk dibolosi oleh pihak yang menjalankan aktiviti haram dari kikesan oleh pihak penguatkuasa.



Sumber: <https://www.Malaysia-Maps.com> dilayari pada 18 November 2014.

Rajah 1: Kedudukan Geografi Negara Malaysia

Aktiviti pengedaran dadah telah memasuki sesebuah negara melalui cara penyeludupan sempadan laut dan darat (Abraham, 2011). Jenayah penyeludupan dadah di rantau ini mempunyai pelbagai modus operandi iaitu dari Thailand, Indonesia, Filipina menuju ke Malaysia dan Singapura sebagai negara transit. Selain itu, terdapat juga jenayah penyeludupan dadah datang dari luar rantau Asia Tenggara seperti daripada negara Iran, Nigeria, China dan Pakistan. Manakala dadah yang diseludup dari benua Afrika dan Timur Tengah pula menuju ke Asia Tenggara dihantar ke dua destinasi berasingan; pertama, ke negara atau kawasan di luar Asia Tenggara, seperti ke benua Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Australia. Kedua, dihantar ke negara yang keadaan ekonominya lebih baik di rantau Asia Tenggara seperti ke negara Brunei Darussalam, Thailand dan Malaysia. Ini menunjukkan permintaan yang tinggi datangnya dari negara yang taraf kehidupan masyarakatnya yang lebih tinggi, dan tidak dinafikan Malaysia adalah salah satu negara menjadi tumpuan aktiviti ini (Charun, 2011).

Beeks dan Amir (2006) menyatakan bahawa bahaya dadah mengancam keselamatan negara bersamaan dengan meningkatnya industri seks di peringkat antarabangsa. Menurutnyanya lagi di Malaysia perkara yang serupa berlaku kerana jumlah kes dadah direkodkan di Malaysia dilihat bersamaan dengan peningkatan rekod pelacuran. Mangsa pelacuran yang dibawa masuk secara haram ke Malaysia dengan cara di seludup dari daerah asal mereka dan kebiasaannya membawa dadah bersama mereka. Sehubungan dengan itu, menurut pandangan sarjana ini, kes penyeludupan orang merupakan pelaku yang sama dengan pelaku yang menjalankan aktiviti penyeludupan dadah. Sementara itu, *Malaysia Investment and Business Guide* (2011) mendakwa bahawa Malaysia sememangnya bukan negara sumber atau penghasil dadah; ia hanya sekadar sebagai sebuah negara transit bagi dadah, namun hakikatnya Malaysia tetap berhadapan dengan masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di dalam negara. Selain itu, buku ini juga mendakwa bahawa Malaysia adalah antara negara yang serius membanteras aktiviti berkenaan malah disokong pula oleh aspek penguatkuasaan yang serius termasuk menjalinkan kerjasama dengan Amerika Syarikat dalam memerangi aktiviti ini.

Brownfield dan William (2011) pula mendakwa, bahawa kegagalan negara dalam mengurus ancaman ini adalah punca utama mengapa dadah akhirnya menjadi ancaman bagi keselamatan negara Malaysia. Perniagaan dadah bagi sesetengah negara adalah tidak mutlak menganggap dadah sebagai komoditi yang haram. Hal ini kerana istilah dadah itu sendiri yang mempunyai banyak makna dan tafsiran seperti penggunaan dadah di bidang kesihatan dibenarkan. Selain itu, negara perlu berfungsi secara proaktif untuk melakukan kawalan ketat ke atasnya, sama ada dadah boleh dibiarkan berleluasa digunakan ataupun tidak. Perspektif keselamatan negara Malaysia berkenaan dadah juga turut dinukilkan oleh De Rouen dan Bellamy (2008) yang mendakwa, perspektif keselamatan Malaysia berkaitan dengan dadah adalah dipengaruhi atau dibangkitkan oleh keadaan ancaman dadah dari negara jiran. Malaysia yang berjiran dengan Indonesia, Thailand, Brunei, Filipina dan Singapura secara tidak langsung akan terdedah kepada ancaman keselamatan jika negara-negara jiran tidak dapat mengawal secara komprehensif aktiviti berkaitan dengan ancaman dadah di negara masing-masing. Kesan dari ancaman yang berlaku di negara jiran, secara logiknya akan menyebabkan Malaysia juga berpotensi terdedah menjadi negara destinasi ataupun menjadi negara transit.

Bagi Hoadley dan Ruland (2006), aspek keselamatan Malaysia perlu dikaji semula bagi melihat secara mendalam dari aspek mana negara terdedah kepada ancaman keselamatan. Pandangan Hoadley dan Ruland (2006) menunjukkan bahawa dadah sebenarnya adalah ancaman utama kepada keselamatan Malaysia. Fakta yang paling nyata pada hari ini ialah ancaman bukan lagi datang dari aspek peperangan, ketenteraan atau lebih dikenali sebagai ancaman keselamatan tradisional (*traditional security threat*). Namun ancaman semasa yang sedang menular ialah ancaman bukan tradisional (*non-traditional*), termasuklah ancaman dalam bentuk baru. Selepas era Perang Dingin muncul satu konsep baru yang dikatakan sebahagian dari keselamatan negara, iaitu konsep keselamatan insan. Keselamatan insan juga merupakan satu elemen yang amat penting dalam memberi impak negatif kepada keselamatan negara. Dalam kes dadah di Malaysia kebanyakan pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan adalah menerusi pendekatan keselamatan negara bagi

menangani isu dadah. Pendekatan ini perlu diperbincangkan lagi pada masa kini memandangkan masalah dadah di Malaysia masih serius walaupun pelbagai usaha penguatkuasaan telah dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana data dikumpul dari data primer dan data sekunder. Bagi mengkaji konsep keselamatan negara dan konsep keselamatan insan, kajian ini telah mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi, supaya dapat menghasilkan corak dan fakta yang boleh membantu dalam analisis (Keith & Wagenen, 1991). Data primer telah diperolehi melalui temu bual dengan informan utama dari agensi penguatkuasa yang dikendalikan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan. Kajian ini telah menemubual pakar-pakar dalam bidang masing-masing, seperti pegawai polis dan pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan serta pegawai Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN). Antara agensi yang terlibat secara langsung dalam kajian ini ialah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (iaitu jabatan pengawalan penyakit berjangkit dan bahagian Farmasi). Bagi Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) pula, temu bual telah dibuat dengan melibatkan Pengerusi Majlis AIDS Malaysia (MAM), termasuk Pengerusi Persatuan PENGASIH Malaysia. Data primer yang diperolehi telah dikategori dan digunakan bagi menghasilkan perbincangan yang berkredibiliti dan berkesan. Penulis juga menggantikan nama sebenar responden sebagai Informan 1, 2, 3 dan seterusnya bagi mematuhi syarat dalam etika penyelidikan iaitu melindungi kerahsiaan individu responden.

Data sekunder dari bahan bercetak dan dokumen termasuk buku-buku dan laporan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan data dari laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), yang membincangkan kajian terdahulu merupakan data sokongan kajian ini (Mauch & Birch, 1993). Ulasan kajian lepas terhadap beberapa buah penyelidikan dalam konteks akademik yang merangkumi buku, jurnal, tesis/disertasi dan monograf yang berkaitan juga merupakan sumber kajian ini. Artikel ini turut mengumpulkan data sekunder dari beberapa laman sesawang, antaranya ialah laman sesawang World Health Organisation, National Anti-Drug Agency di Amerika Syarikat, National Institute of Drug Abuse dan Drug Policy Alliance. Agensi-agensi seperti ini penting kerana mereka mempunyai khazanah data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Setelah data di kumpulkan, penyelidik telah menggunakan perisian Nvivo 8 untuk melihat trend dan corak bagi membantu menganalisis hasil dapatan.

PENDEKATAN MENANGANI ANCAMAN DADAH

Keselamatan negara merupakan tunggak utama terhadap kemakmuran insan dan merupakan asas yang sentiasa digunakan dalam bidang ilmu sains sosial. Keselamatan negara akan terjejas sekiranya kemakmuran insan di sesebuah negara diabaikan. Dalam disiplin pengajian keselamatan, Trout dan Harf (1982) menyatakan konsep keselamatan insan selalu dikaitkan dengan keselamatan negara, iaitu idea yang asalnya dicetuskan oleh Amerika Syarikat selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Ekoran dari itu, pada pertengahan tahun 1990an telah timbul konsep keselamatan insan yang mana menjadi satu kesinambungan terhadap apa yang diperjuangkan oleh PBB sejak Perang Dunia Kedua berakhir, iaitu konsep hak asasi manusia. Transformasi politik dunia menyebabkan pelbagai isu baru timbul dan perdebatan berlaku dalam membincangkan teori-teori lama dan teori-teori baru berkaitan hubungan antarabangsa, seperti yang dirumuskan oleh Rashila Ramli dan Nor Azizan Idris (2013). Dalam hubungan antarabangsa antara teori asas yang dominan ialah seperti Realisme, Liberalisme dan Strukturalisme. Dalam memahami konsep di mana keselamatan insan ini timbul adalah rentetan hubungan antara dua teori ini iaitu teori Realisme (neorealisme) dan teori Liberalisme (neoliberalisme). Teori neo-liberalisme melihat peranan yang telah dimainkan oleh aktor non-negara termasuk penjenayah/sindiket, dan juga isu-isu keselamatan merentas sempadan dalam konteks

globalisasi masa kini. Kes jenayah rentas sempadan dan hubungannya dengan keselamatan antarabangsa adalah salah satu daripada banyak perdebatan (Rapley, 2004).

Kegagalan sesebuah negara dalam menjaga keselamatan insan akan memberi kesan pada keselamatan serantau dalam perspektif yang lebih luas. Keselamatan insan juga difahami sebagai satu pertanyaan utama mengenai nilai dan *standard* kemanusiaan dalam sistem antarabangsa. Ertinya, sejauh mana manusia itu menilai manusia lain dalam satu-satu peringkat (McDonald, 2011). Sehingga akhirnya ia akan bertindak balas bersesuaian dengan *standard* yang telah pun ditetapkan tadi, dan ini menyebabkan manusia lain dalam keadaan selamat kerana dihargai. Ia juga merupakan satu perbincangan dalam kajian keselamatan seperti yang telah diuraikan sebelumnya. Disamping itu, sejauh manakah sumbangan konsep keselamatan insan kepada konsep keselamatan negara, secara amnya ia adalah sesuatu yang amat sukar diukur melalui pandangan mata kasar. Ertinya, ia akan memberi dapatan yang berbeza apabila kita mengungkap istilah keselamatan setelah melihat realiti pelaksanaannya pada hari ini. Perdebatan keselamatan insan, mengenai kesan dari aktiviti penyeludupan, pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah boleh memudaratkan sesebuah masyarakat. Ini kerana tindakan dan rangkaian penjenayah yang dikenali sebagai aktor bukan-negara memainkan peranan dalam operasi haram mereka sehinggakan boleh menjejaskan elemen dalam konsep keselamatan negara. Kajian menunjukkan bahawa rangkaian jenayah berkembang di negara-negara yang gagal dalam penguatkuasaan, mempunyai institusi rapuh, pegawai yang korup, dan masyarakat awam yang lemah (Low Yok Lin, 1986). Oleh yang demikian pendekatan yang diguna pakai oleh Malaysia dalam menangani masalah dadah sehingga kini lebih mengutamakan pendekatan keselamatan negara berbanding pendekatan keselamatan insan.

Pendekatan Keselamatan Negara

Dalam sesebuah negara yang berdaulat dan mempunyai undang-undang masing-masing, aktor non-negara (penjenayah/sindiket) masih mampu untuk mempengaruhi keselamatan manusia melalui cara-cara lain. Oleh itu keselamatan manusia dan kerjasama antara negara adalah amat penting dalam mengimbangi kesan buruk yang dimainkan oleh aktor non-negara (penjenayah, pengganas dan pengedar dadah). Strategi pengurangan pembekalan adalah satu strategi yang mengarahkan kepada menguatkuasakan undang-undang dadah di Malaysia. Strategi ini bertujuan untuk mengawal selia dadah larangan yang diharamkan oleh akses undang-undang dadah, termasuk tembakau, alkohol, farmaseutikal dan ubat-ubatan lain (Informan 1², temu bual bertarikh 22 Februari 2013). Strategi ini bertujuan membendung kes-kes dadah yang diharamkan untuk masuk ke Malaysia dan cara untuk mengurangkan aktiviti membekalkan apa-apa jenis prekursor (*precursor*) untuk memproses dadah domestik. Selain dari itu, bahan kimia prekursor dan peralatan yang digunakan dalam membuat ubat-ubatan turut dikawal. Strategi ini juga mematuhi ketetapan di bawah perjanjian antarabangsa (Mohamad Sabri & Che Bakar, 1996). Strategi penguatkuasaan undang-undang diperlukan bagi ubat-ubatan haram, yang mana mensasarkan kepada semua bahagian dan peringkat rangkaian bekalan.

Strategi pengurangan pembekalan ini bertujuan untuk mencegah pengimportan dari merentasi sempadan dan seterusnya mencantas aktiviti haram sebelum bekalan dadah sampai kepada sasaran iaitu pengguna dadah. Hal ini menjadi sukar kerana kelazimannya, aktor non-negara pakar dalam penggunaan internet untuk memudahkan bekalan global dadah haram merentas ke sesebuah negara. Komuniti yang menggunakan dadah bukan sahaja di kawasan metropolitan tetapi juga di kawasan luar bandar dan pedalaman, termasuk masyarakat Orang Asli. Sehubungan dengan itu, setiap badan penguatkuasaan mempunyai peranan yang penting untuk tidak bertolak ansur dengan pembekal dadah haram dan ia boleh membantu dalam mengekalkan undang-undang yang efektif (Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, 2004). Penguatkuasaan melalui perundangan juga memainkan peranan yang penting sebagai salah satu cabang cegah rintang (*deterrent*) dalam menghadapi masalah dadah.


² Informan 1 adalah Timbalan Pengarah Penguatkuasaan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia. Temu bual dijalankan pada 22 Februari 2013.

Perubahan dasar penting selepas tahun 1983, iaitu hukuman mati mandatori, rawatan mandatori dan penahanan pengedar dadah tanpa pendakwaan masih menjadi tunggak kepada penguatkuasaan dan dasar kerajaan.

Strategi penguatkuasaan yang agresif ini diadakan bertujuan agar dadah lebih sukar untuk diseludup masuk ke sempadan negara dan seterusnya dapat mengurangkan penagih tegar dan penagih yang berulang. Di samping itu, tekanan perundangan juga turut diperhebatkan supaya penagih dan pengedar akan berkurangan. Risikan dan rampasan harta dijangka dapat mematahkan aktiviti pengedaran. Penguatkuasaan adalah dianggap sebagai penyelesaian kepada masalah dadah dan masih menjadi tunjang kepada dasar anti dadah negara. Hal ini dapat dilihat daripada sudut keseriusan masalah di dalam negara, di mana jika tidak dibendung akan menjadi pandemik kepada masyarakat umum. Informan 2³ (temu bual pada 19 Julai 2012) menegaskan bahawa, kerajaan Malaysia telah banyak berbelanja untuk menjalankan strategi pengurangan pembekalan. Namun beliau juga merasa bimbang dengan keadaan semasa, di mana pengurangan pembekalan itu masih belum dapat dirasai keberkesannya walaupun setelah 30 tahun memerangnya.

Sehubungan dengan itu, Rajah 2 di muka surat seterusnya menunjukkan statistik tangkapan bagi pesalah dadah yang melibatkan semua jenis kesalahan seperti diperuntukkan oleh undang-undang dadah di negara ini. Keseriusan peningkatan tangkapan setiap tahun akan memberi kesan atau boleh menjejaskan keselamatan individu termasuk kesejahteraan masyarakat sekiranya tidak dibendung. Berdasarkan statistik tangkapan itu juga, maklumat jelas menunjukkan jumlah tangkapan pesalah dadah dibuat oleh pihak berkuasa setiap tahun menampakkan trend peningkatan yang ketara. Bagi memahami statistik tersebut, tangkapan ke atas pesalah dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, adalah bagi kesalahan mengedar dan memiliki dadah. Manakala Akta Dadah Berbahaya 1985-Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) pula, adalah bagi membendung kesalahan mengedar dadah, yang tidak dituduh di Mahkamah kerana kekurangan bukti bagi meneruskan pendakwaan. Tangkapan di bawah Akta Racun 1952 pula, adalah bagi membendung kesalahan yang melibatkan bahan-bahan seperti pil-pil Psikotropik, bahan-bahan larangan yang memabukkan dan mengkhayalkan. Manakala tangkapan bagi pesalah di bawah Akta Penagih Dadah Rawatan dan Pemulihan (R&P) 1983, adalah bagi membendung kesalahan penagihan dan penyalahgunaan dadah. Angka tangkapan bagi tahun 2006 hingga tahun 2013 yang dipaparkan sudah cukup memberi informasi bahawa kualiti hidup individu dan masyarakat sudah pasti akan terjejas, seterusnya menjejaskan kualiti modal insan di Malaysia.

³ Informan 2 adalah Timbalan Pengarah Jabatan Kastam Malaysia. Temu bual telah dijalankan pada 19 Julai 2012.



Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM Bukit Aman (2006 – 2013).

Rajah 2: Tangkapan di bawah ADB 1952, Akta Racun 1952, APD (R&P) 1983 dan ADB (LLPK) 1985 Mengikut Kumpulan Etnik (2006 – 2013)

Berdasarkan statistik tangkapan dalam Rajah 2 di atas, kumpulan etnik Melayu merupakan kumpulan yang paling ramai ditangkap dan yang paling membimbangkan sejak dari tahun 2006 (25,127 orang) hingga 2013 (120,392 orang), di mana angka senantiasa meningkat. Kumpulan etnik Cina menduduki tempat yang kedua, walaupun begitu tangkapan bagi kaum Cina menampakkan trend penurunan pada tahun 2013 berbanding tahun 2008. Kaum India menunjukkan angka yang mendatar walaupun menduduki tempat yang ketiga dalam kedudukan tangkapan. Manakala kumpulan etnik lain dan rakyat asing juga turut meningkat setiap tahun, namun masih pada tahap yang rendah. Selain dari statistik dalam Rajah 2, pada tahun 2010, tangkapan melibatkan dadah jenis heroin adalah sebanyak 42 peratus daripada tangkapan keseluruhan. Penyalahgunaan dadah dalam negara masih merupakan masalah yang serius dan berada pada tahap yang membimbangkan. Dalam Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia (PDRM 2011) sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak dijalankan dengan serius dan berkesan negara ini berpotensi untuk menjadi kawasan 'hub bagi dadah' sejajar dengan pengglobalisasian penyeludupan dadah dan kewujudan makmal haram memproses dadah berskala besar (Harian Metro, 18 November 2011). Di samping itu sindiket dadah warga asing ini juga dikesan membawa pakar-pakar dadah warga asing ke Malaysia untuk memproses dadah di negara ini dengan kerjasama sindiket dadah tempatan. Perkara ini telah beberapa kali dibongkar oleh pihak berkuasa Malaysia di mana beberapa makmal memproses dadah syabu haram dikesan iaitu di Semenyih, Selangor, Senai, Johor dan Bukit Jambul, Pulau Pinang (PDRM, 2005, 2009, 2010, 2011).

Ancaman dadah di Malaysia juga boleh dilihat dari jumlah rampasan bagi tiga jenis dadah utama iaitu Opiate, Amphetamine-type-stimulants (ATS) dan Marijuana (ganja) yang menunjukkan trend turun dan naik. Rampasan dadah jenis Opiate pada tahun 2006 adalah sebanyak 156.25 kg. Rampasan meningkat kepada 310.91 kg iaitu peningkatan sebanyak 98.98peratus pada tahun 2008. Pada tahun 2011, sebanyak 749.62 kg dadah jenis Opiate yang berjaya dirampas menunjukkan penurunan sebanyak 146.79 peratus berbanding tahun 2010 (303.75 kg) (Laporan Tahunan AADK, 2012). Ancaman dadah sintetik merupakan satu lagi polemik keselamatan insan di Malaysia. Menurut

Informan 3⁴ (temu bual pada 22 Disember 2012) dadah ATS jenis syabu yang dirampas pada tahun 2011 adalah 2,101.00 kg manakala pada tahun 2010 serta 2008 adalah masing-masing 887.29 kg dan 356.92 kg. Peningkatan jumlah dadah syabu yang dirampas pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya adalah 136.79 peratus. Rampasan pil ATS pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah 2,171,028 pil, 3,361,942 pil (54.85 peratus) dan 2,511,982 pil (25.28 peratus). Pada tahun 2011, rampasan dadah pil ATS menurun kepada 2,445,373 pil iaitu penurunan 2.65 peratus berbanding tahun 2010.

Disamping itu juga beliau tidak menafikan bahawa kesan dari arus globalisasi turut menyumbang kepada ketidaksamarataan ekonomi antara negara dan peranan yang dimainkan oleh sindiket dadah. Hal ini menyumbang kepada kadar kemiskinan sesebuah negara dan menjadi punca kepada berlakunya aktiviti pengrekrutan oleh sindiket kepada mangsa dadah untuk terlibat dalam pengedaran dadah. Data yang dibincangkan di atas menunjukkan pendekatan yang menjurus kepada keselamatan negara masih kurang berkesan dan masih banyak kelemahan dari pelbagai sudut. Dalam usaha untuk mencari formula bagi menangani pengurusan pendekatan termasuk pelaksanaan menguatkuasakan pendekatan keselamatan negara patut dinilai semula. Oleh yang demikian, penilaian terhadap konsep keselamatan insan yang ingin diselidik jelaskan adalah, dadah mengancam keselamatan insan di Malaysia sepertimana yang dinyatakan oleh sarjana Sity Daud et. al. (2015) yang memerlukan perhatian yang serius dari segi mengurangkan ancaman terhadap insan yang boleh memudaratkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Ancaman dari masalah dadah di Malaysia akan memberi impak kepada kehidupan manusia dari sudut keselamatan individu, komuniti, sosio-ekonomi dan akhirnya isu ini sudah semestinya mendedahkan negara kepada ancaman yang lebih besar malah lagi mencabar pada masa hadapan.

Pendekatan Keselamatan Insan

Perdebatan sarjana berfikiran neoliberalis mengenai isu-isu keselamatan baru menunjukkan seolah-olah aktiviti aktor bukan negara ini dianggap menjanakan ketakutan dan peranan yang mereka mainkan memudaratkan, menjejaskan keselamatan insan negara-negara di mana mereka beroperasi melalui rangkaian jenayah mereka seperti yang dinyatakan oleh Owen (2008). Konsep keselamatan berkembang dari semasa ke semasa. Satu konsep yang hangat diperdebatkan oleh sarjana dewasa ini adalah konsep keselamatan insan (*human security*). Konsep ini mula berkembang sejak diperkenalkan dalam Human Development Report oleh United Nation Development Programme pada tahun 1994 (UNDP, 1994). Ia menjelaskan bahawa keselamatan insan sekurang-kurangnya mempunyai dua aspek yang penting. Pertama adalah selamat dari ancaman kronik seperti kelaparan, wabak penyakit dan penindasan. Kedua adalah perlindungan dari gangguan kepada pola kehidupan seharian yang tiba-tiba dan membahayakan, baik di tempat tinggal, pekerjaan atau sesebuah komuniti (Acharya, 2001).

Isu mengenai keselamatan insan, seperti yang dinyatakan oleh bekas Setiausaha Agung PBB Kofi Annan (2001) menjelaskan bahawa keselamatan insan tidak boleh hanya dilihat daripada aspek ketenteraan sahaja. Akan tetapi, harus lebih menjurus kepada pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial, perlindungan alam sekitar, demokrasi, perlucutan senjata, dan pengiktirafan kepada hak asasi manusia serta penguatkuasaan undang-undang. Kofi Annan (2005) selanjutnya menjelaskan bahawa antara satu tiang dengan tiang lain tidak dapat dipisahkan dan saling berkaitan, di mana perkembangan dalam satu kawasan juga menciptakan perkembangan di kawasan lain. Isu keselamatan insan yang ingin dijelaskan adalah dadah, yang mengancam keselamatan insan di Malaysia. Bahiyah Abd Hamid et. al. (2013) turut mendakwa konsep dan isu keselamatan insan menggariskan pengedaran dadah

⁴ Informan 3 ialah Timbalan Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Temu bual telah diadakan pada 22 Disember 2012.

sebagai salah satu ancaman kepada keselamatan insan. Keselamatan insan akan terancam dan memberi impak kepada takrifan keselamatan insan seperti yang digariskan sebagai satu usaha sejangat yang mana perlu diiktiraf untuk meningkatkan kualiti hidup. Keselamatan insan adalah kesinambungan daripada perjuangan isu-isu hak asasi manusia, keselamatan sosio-ekonomi, komuniti-individu, kesihatan dan lain-lain lagi isu sudah semestinya mendedahkan manusia kepada ancaman.

Konsep keselamatan insan memiliki banyak perspektif dalam perdebatan dan analisis kajian keselamatan masa kini. Pandangan lain pula mengatakan bahawa '*human security*' adalah pengiktirafan dan perlindungan terhadap hak asasi manusia dan menyediakan keperluan asas seluruh manusia. Zarina Othman (2004) merumuskan bahawa keselamatan insan itu bermula daripada kebebasan untuk turut serta dalam segala aspek yang sah sehinggalah ke dalam rejim pentadbiran di sesebuah negara. Selain itu, ianya juga bermula daripada kebebasan mengekspresikan budaya dan mengamalkan agamanya. Zarina Othman (2004) berpendapat di sinilah asas keselamatan insan itu bermula. Keselamatan insan juga difahami sebagai satu pertanyaan utama mengenai nilai dan standard kemanusiaan dalam sistem antarabangsa. Ertinya, sejauh mana manusia itu menilai manusia lainnya dalam satu peringkat (McDonald, 2011). Sity Daud & Zarina Othman (2005) juga menjelaskan keselamatan sesebuah negara berpunca daripada faktor dalamannya. Kegagalan negara mengawal keselamatan insan dalam negaranya akan memberi kesan kepada keselamatan rantau dalam perspektif yang lebih luas. Sehingga akhirnya ia akan bertindak balas bersesuaian dengan standard yang telah pun ditetapkan oleh peraturan sejangat untuk mewujudkan suasana selamat.

Walaupun pendekatan keselamatan negara merupakan satu pendekatan yang utama di Malaysia untuk memerangi dadah, ia juga merupakan salah satu daripada halangan bagi menapaknya keselamatan insan dengan baik. Pendekatan keselamatan negara membawa maksud pendekatan dari segi penguatkuasaan seperti tindakan, tangkapan dan pertuduhan ke atas pesalah dadah di mahkamah. Walaupun lebih tiga puluh tahun Malaysia menjalankan penguatkuasaan ke atas dadah mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada, namun ancaman penagihan dan pengedaran dadah masih lagi berleluasa kepada individu dan komuniti serta mengancam kesihatan manusia. Setelah sekian lama pelaksanaan pendekatan keselamatan insan terabai di Malaysia kerana tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak berwajib (Informan 4⁵, temu bual pada 16 April 2012). Ini adalah antara kritikan dan cadangan yang meminta Malaysia sepatutnya mengubah cara atau pendekatan dalam menangani masalah dadah. Hal ini diketengahkan kerana masalah dadah di Malaysia sukar dibendung lantaran pendekatannya tidak sesuai seperti yang didakwa oleh penganalisis jenayah iaitu Dato' Lye Lam Thai (Utusan Malaysia, 15 Jun 2012). Sebaliknya model atau polisi yang diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mewujudkan kerjasama dengan pihak NGO, bagi memerangi masalah atau penyakit AIDS/HIV telah berhasil. Seharusnya model ini diberi peluang dan diguna pakai dalam memerangi masalah dadah di Malaysia pada masa kini (Informan 3, temu bual pada 22 Disember 2013).


Menurut informan seterusnya, kerajaan atau jawatankuasa yang menangani masalah dadah ini mengikut jejak langkah atau memformulasikan pendekatan baru demi untuk menghasilkan kejayaan dalam menangani masalah dadah di Malaysia. Selain itu kerajaan tidak berupaya untuk berdiri sendirian tanpa bantuan dari pihak NGO untuk mengaut hasil yang positif untuk keselamatan insan di Malaysia kerana kekurangan tenaga pakar, di samping mangsa dadah mengelak diri dari mendekati pihak kerajaan kerana mereka mempunyai persepsi yang negatif kepada pihak kerajaan (Informan 5⁶, temu bual pada 10 Mei 2013). Statistik menunjukkan purata 3,306 penagih baru setahun dikesan bagi tempoh sebelum 1983 dan meningkat dengan purata 9,059 penagih baru setahun selepas tahun 1983. Kajian oleh Saudagar Singh (2000) menyatakan sebelum Malaysia mengisytiharkan dadah sebagai

⁵ Informan 4 ialah Pensyarah Universiti Putra Malaysia yang merupakan seorang Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Temu bual telah diadakan pada 16 April 2012.

⁶ Informan 5 ialah adalah Presiden kepada PENGASIH Malaysia iaitu Pusat Pemulihan Dadah Swasta di Kuala Lumpur. Temu bual telah diadakan pada 10 Mei 2013.

musuh nombor satu negara pada tahun 1983, kadar penagihan berulang sebanyak 46 peratus. Manakala setelah dasar itu diperkenalkan peratusan menjadi meningkat kepada 59.4 peratus setahun. Agensi Anti dadah Kebangsaan (2011) melaporkan daripada tahun 1988 hingga 2011 terdapat seramai 235,495 orang penagih dadah di Malaysia. Dari jumlah tersebut kira-kira 50,000 orang adalah penagih tegar. Ini menggambarkan bahawa keadaan penagihan dadah di Malaysia tidak berkurangan dari masa ke semasa. Badan-badan bukan kerajaan (NGO), seperti Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) pula menganggarkan terdapat kira-kira 350,000 orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di dalam negara (PEMADAM, 2011)

Angka ini dikatakan bertambah sebanyak 1,300 orang penagih dadah setiap bulan dan jumlah yang terkumpul dari tahun 1988 sehingga tahun 2012 adalah seperti dipaparkan dalam Rajah 3. Rajah 3 juga dilengkapi dengan maklumat tentang jumlah penagih dadah mengikut negeri yang direkodkan, iaitu sebanyak 332,866 orang. Dari rajah ini dapat disimpulkan bahawa negeri yang mempunyai paling ramai penduduk seperti negeri Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Perak, dan Johor merupakan negeri yang paling ramai merekodkan jumlah penagih dadah. Manakala negeri-negeri lain juga menunjukkan keseriusan masalah penagihan berdasarkan angka yang ditunjukkan yang semakin bertambah. Menurut Informan 6 iaitu Mantan Perdana Menteri Malaysia keempat, kesan kepada negara amat serius kerana masa hadapan modal insan yang berkualiti di Malaysia semakin hari semakin berkurangan disebabkan oleh ancaman dadah. Selain itu mereka juga terlibat dengan jenayah malah boleh mengancam keselamatan komuniti setempat dan pihak kerajaan juga telah membelanjakan banyak modal untuk memulihkan mereka yang terlibat dengan dadah (Informan 6⁷, temu bual pada 23 November 2012).



Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (1998-2012).

Rajah 3: Jumlah Penagih Dadah yang Terkumpul (1988 -2012).

Selain itu, menurut Informan 7⁸ (temu bual pada 9 Julai 2012) dari statistik yang dipaparkan jumlah penagihan dadah menunjukkan trend turun dan naik tetapi ia juga berlaku peningkatan secara

⁷ Informan 6 ialah Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Temu bual telah diadakan pada 23 November 2012.

⁸ Informan 7 ialah Pengarah Dasar Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Temu bual telah dibuat pada 9 Julai 2012.

berterusan di kalangan penyalahgunaan dadah (sintetik) yang ditahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Seramai 21,654 orang yang terlibat dalam penyalahgunaan telah dikesan pada tahun 2006, diikuti 26,763 pada tahun 2007, 34,041 (2008), 42,304 (2009), 56,725 (2010) dan 74,369 (2011). Peratus peningkatan penyalahgunaan pada tahun 2011 berbanding tahun 2006 adalah 243.44 peratus. Jumlah tangkapan keseluruhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, daripada tahun 2008 (64,535 kes) hingga 2011 (111,446 kes) menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2010, jumlah tangkapan ialah sebanyak 94,689 kes berbanding dengan 64,535 kes pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 46.73 peratus manakala peratus peningkatan pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya adalah 17.70 peratus.

Sehubungan dengan itu, isu yang dibincangkan dalam buku yang diterbitkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri Malaysia (2007), Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mendakwa, masalah berleluasanya penyalahgunaan dadah di Malaysia adalah ekoran dari kemalahan pendekatan menangani ancaman dari dadah yang tidak lagi sesuai dalam era globalisasi masa kini. Beliau menegaskan adalah penting mengkaji semula cara ataupun pendekatan negara menangani masalah dadah dan memahami cabaran semasa dengan tujuan untuk merancang strategi yang manjur bagi membentasi pengedaran dadah di Malaysia. Disamping itu juga, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, turut menyarankan supaya masyarakat sivil perlu berkerjasama dan berusaha melipat gandakan lagi komitmen dalam memerangi masalah dadah bagi memastikan matlamat menjadikan Malaysia Bebas Dadah pada tahun 2015 tercapai. Kenyataan tersebut disambut dan disokong oleh pakar dalam bidang psikologi penyalahgunaan dadah iaitu Mahmood Nazar (2009), menyatakan bahawa ancaman dari dadah adalah sesuatu yang realiti dan ancaman sangat serius kepada masyarakat Malaysia khususnya kepada generasi muda.

Ekoran dari itu, petunjuk Malaysia bebas dadah perlu juga mengambil kira anggaran rakyat negara ini yang berumur antara 15 tahun hingga 64 tahun adalah yang paling ramai terlibat dengan najis dadah. Oleh sebab itu, bagi mereka yang masih bergantung kepada dadah mestilah memerlukan sesuatu program rawatan dan pemulihan yang khusus bagi merawat mereka secara konsisten (Informan 7, temu bual pada 9 Julai 2012). Sasaran "Malaysia Bebas Dadah 2015" bermaksud negara ini telah mencapai sasaran kadar penyalahgunaan dadah yang kurang dari satu peratus penduduk negara, serta kadar penagihan dadah yang kurang dari 0.1 peratus bagi penduduk negara yang berumur 15 hingga 64 tahun. Sehubungan dengan itu, usaha ini patut diteruskan pada tahun yang berikutnya sehingga ke tahap yang lebih baik. Mengambil kira sasaran ini, penduduk Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 64 tahun pada tahun 2015 dianggarkan 20.7 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Bagi mencapai sasaran bebas dadah jumlah penyalahgunaan dadah serta penagih dadah masing-masing mestilah tidak melebihi 207,000 dan 20,700 orang. Bagi penyalahgunaan dadah, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai program intervensi bagi membendung penyalahgunaan sehingga tidak mencapai ke tahap penagihan dadah (Informan 8⁹, temu bual pada 7 Januari 2013). Memandangkan kesan daripada masalah dadah menular dengan cepat, maka gerakan mengadakan pendekatan pengurangan kemudaratan telah diperkenalkan dan dimulakan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) pada lewat 1990an. NGO yang dipanggil IKHLAS mula aktif terlibat dengan program intervensi bagi pengguna dadah (Informan 9¹⁰, temu bual pada 9 Julai 2012). Mereka menawarkan tempat tinggal, rawatan, makanan dan kaunseling serta bantuan untuk membantu pengguna dadah kembali pulih.

Oleh kerana masalah dadah yang bukan sahaja melibatkan mangsa penagihan tetapi juga kepada mangsa pengedaran dadah, mereka perlu diberi sokongan dan komitmen dari semua pihak baik dari agensi kerajaan mahupun NGO adalah sangat penting untuk membendung epidemik ini terus berleluasa. Sehubungan dengan itu, makalah ini juga memaparkan pelbagai kritikan yang dinukilkan

⁹ Informan 8 ialah seorang pensyarah USIM yang merupakan Pakar Psikologi Kaunseling Dadah. Temu bual telah diadakan pada 7 Januari 2013.

¹⁰ Informan 9 ialah Presiden Majlis Aids Malaysia. Temu bual telah diadakan pada 9 Julai 2012.

untuk menampakkan keaburan pelaksanaan dari segi pemulihan di peringkat pelaksanaan demi menjamin keselamatan insan. Sarjana dalam bidang berkaitan iaitu Informan 4¹¹ (temu bual pada 16 April 2012), merupakan seorang pensyarah di Universiti Putra Malaysia berpandangan bahawa pendekatan menghukum tidak akan berjaya dalam peperangan dengan masalah dadah. Menghukum itu penting namun hasilnya masih tidak memberangsangkan, oleh itu tindakan yang patut diambil ialah memberi khidmat nasihat kepada pesalah mangsa dadah setelah tindakan nasihat tidak diendahkan, barulah tindakan hukuman diambil. Seharusnya mangsa-mangsa akibat ancaman dadah, seperti pengedar dan penagih dadah sepatutnya dibantu dan diberi sokongan dari segi mental, fizikal dan kemudahan sosio-ekonomi bagi memastikan mereka tidak mengulangi tabiat lama.

Oleh yang demikian, dalam mengekalkan kesejahteraan dan kelangsungan hidup manusia sejagat di rantau Asia Tenggara mengenai penekanan konsep keselamatan insan, Sity Daud et al., 2015 telah menjelaskan beberapa elemen-elemen yang penting mesti dititikberatkan perlaksanaannya. Antaranya seperti keselamatan bagi individu-komuniti, sosio-ekonomi dan keadilan sosial di sesebuah negara antara intipati penting yang termaktub dalam konsep keselamatan insan bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia. Oleh itu di Malaysia ramai sarjana telah menjalankan kajian dan mendakwa masalah dadah amat membimbangkan dan ia adalah salah satu ancaman dahulu dan masa kini yang tidak berkesudahan mengancam kesejahteraan hidup masyarakat. Selain itu, kebanyakan pengkaji masih mempersoalkan pengurusan dan pendekatan dasar-dasar dadah negara yang masih lemah dalam menangani masalah pengedaran dan penagihan di Malaysia (Abdullah Muhamed & Iran Herman, 1997; Ismail Ahmad, 2001; Mimi Kamariah Abdul Majid, 1995; Attorney General's Chambers Malaysia, 2006 dan Yusramizza Md Isa, 2007). Walaupun bagaimanapun, ramai penyelidik dalam bidang keselamatan tidak menyentuh mengenai masalah dadah dan hubungannya mengancam keselamatan insan di Malaysia secara langsung, ini adalah disebabkan konsep ini merupakan sesuatu pendekatan yang baru dan masih kurang diperdebatkan di Malaysia.

KESIMPULAN

Cabaran utama pendekatan konsep keselamatan insan adalah tidak wujudnya konsensus yang jelas mengenai apa keselamatan yang sebenarnya dan apa yang hendak dicapai dengannya. Sehingga kini perbincangan mengenai konsep keselamatan masih lagi menjadi perdebatan yang hangat di kalangan para sarjana dan pengkaji masalah keselamatan. Walau bagaimanapun, keselamatan insan, sebagaimana kebanyakan para sarjana bersetuju bahawa ia mesti memenuhi sekurang-kurangnya dua elemen berikut; pertama, selamat daripada ancaman kronik, seperti kebuluran dan penyakit; dan kedua, selamat daripada penindasan termasuk mendapat perlindungan terhadap bahaya dan gangguan tiba-tiba kepada masyarakat. Hal ini memberikan makna bahawa konsep keselamatan insan mengambil berat masalah kualiti hidup manusia secara amnya. Oleh itu selamat daripada ancaman dadah merupakan sesuatu yang sangat penting bagi mencapai tuntutan ke arah keselamatan insan, memandangkan ancaman dadah adalah ancaman yang kronik di Malaysia. Hal ini kerana individu akan terdedah kepada pelbagai kesan dan risiko penyakit yang disebabkan oleh dadah, seperti penyakit AIDS. Di samping itu masyarakat dalam persekitaran yang diancam dadah juga turut terpaksa berhadapan dengan pelbagai bahaya dan kesan negatif dari ancaman dadah.

Di Malaysia kajian terhadap konsep keselamatan insan dan hubungkaitnya dengan ancaman dadah masih lagi terhad. Dari kajian penulis, konsep ini amat sesuai untuk menangani masalah dadah di negara ini. Analisis penulis terhadap isu dadah dan keselamatan insan di Malaysia telah membawa kepada satu kesimpulan bahawa dalam menangani isu dadah terdapat pertembungan antara pengurusan pendekatan keselamatan negara dan keselamatan insan terhadap dasar pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan, yang mana ia adalah antara strategi atau dasar terhadap masalah

¹¹ Informan 4 ialah seorang pensyarah di Universiti Putra Malaysia. Temu bual telah diadakan pada 16 April 2012.

dadah. Oleh itu penulis mendapati masalah dadah di Malaysia semakin serius kerana pendekatan yang diambil oleh pihak berwajib tidak menepati tuntutan semasa dan tidak bersesuaian dalam era globalisasi masa kini. Seharusnya pendekatan yang lebih menjurus kepada pendekatan keselamatan insan mesti diketengahkan dan dipromosikan di samping memperkukuhkan pendekatan keselamatan negara. Pelaksanaan perlu diseimbangkan antara kedua-dua pendekatan seperti yang telah dibincangkan dalam makalah ini, sebagai usaha yang serius untuk menangani masalah pengedaran dan penagihan dadah di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah dan penyelia dalam kajian ini, para informan (responden), serta pihak penilai dan editorial yang dedikasi di atas komen dan cadangan yang diberikan.

RUJUKAN

- Acharya, A. (2001). "Human Security", *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, (ed) John Baylis, Steve Smith dan Patricia Owens. New York: Oxford University Press.
- Abdullah Al-Hadi Muhamed & Iran, Herman. (1997). *Penagihan Dadah Mengikut Kaum, Diri, Keluarga Dan Persekitaran Kuala Lumpur*. Agensi Dadah Kebangsaan Dengan Kerjasama UPM dan UKM.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2007). *Dadah Musuh No.1 Negara*. Thinker's Library Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2012). *Laporan Dadah Januari-Disember 2012*. Diakses daripada: <http://www.adk.gov.my/uploads/laporansep.pdf>. Tarikh dilayari: 24 Mac 2014.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2004). *Laporan Dadah Januari-Disember 2004*. Diakses daripada: <http://www.adk.gov.my/uploads/laporansep.pdf>. Tarikh dilayari: 24 Mac 2014.
- Annan, K. (2005). *In Larger Freedom: Towards Development, Security and Human Right for All. Report on the Secretary General*. United Nation New York.
- Abraham, J. (2011). 'Gangster Negara India Dalang Seludup Dadah' *Bernamea*. Dilayari pada 12 Jun 2012.
- Attorney General's Chambers Malaysia. (2006). *International Affairs Division, Bilateral and Multilateral Instruments on Combating Transnational Crime*. Putrajaya. Malaysia.
- Banks, C., Sokolowski, M. & John, A. (2009). From War On Drugs To War Against Terrorism: Modelling The Evolution Of Columbias Counter – Insurgency. *Social Science Research*, 38, 146 -154.
- Beeks, K. & Amir, D. (2006). *Trafficking and the Global Sex Industry*. Lexington.
- Brownfield, W. R. (2011). *International Narcotics Control Strategy Report*. New York, Drug and Chemical Control.
- Bahyah Abd Hamid, Fauziah Kartini Hassan Basri, Rashila Ramli, Sarinya Sophia, Sity Daud & Zarina Othman. (2013). *Peace & Human Security in Asia and the Pacific*. Bangkok, Thailand UNESCO, Bangkok.
- Charun, Ai Been. (2011). *Penyeludupan Dadah Oleh Warga Asing*. Tesis Sarjana, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Harian Metro, (18 November 2011). *Makmal Haram Memproses Dadah*.
- <https://www.Malaysia-Maps.com>. Tarikh dilayari pada 18 November 2014.

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Jabatan Perangkaan.
- Kamarulnizam Abdullah & Mahmud Embong. (1999). Kepentingan strategik di dalam keselamatan negara Malaysia. *Journal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, 6(1999), 151-176.
- Keith, R. & Wagenen, V. (1991). *Writing a Theses Substance and Style*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Low Yok Lin (1986). An analysis of the dadah problem in Peninsular Malaysia with particular reference to dadah rehabilitation program. Tesis Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Hoadley, S. & Ruland, J. (2006). *Asian Security Reassesses*. Institute of Southeast Asian Studies. Singapore.
- Ismail B. Hj Ahmad (2001). *Kajian Keberkesanan Dasar Anti Dadah Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Mauch, J. E. & Birch, J. W. (1993). *Guide to the Successful Theses and Dissertation, Handbook for Students and Faculty*. New York: Marcel Dekker.
- McDonald, M. (2011). *Human Security and the Construction of Security. Global Society*. Carfax Publishing.
- Mahmood, N. M. (2009). *Penyalahgunaan dadah: Aspek Undang-undang, Rawatan, Pemulihan dan Pencegahan*. Kuala Lumpur: EduSystem Sdn Bhd.
- Malaysia Investment and Business Guide. (2011). *International Business Publications*. USA, Washington DC.
- Mohamad Sabri Yusoh & Che Bakar Che Mat. (1996). *Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah di Malaysia: Undang-Undang dan Keberkesanannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mimi Kamariah Abdul Majid. (1991). Drug laws and their enforcement by court in Malaysia. Tesis Kedoktoran, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Nor Azizan Idris & Rashila Ramli. (2012). *Keselamatan Insan Dalam Konteks Keselematan Nasional*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Owen, T. (2008). *The Uncertain Future of Humnan Security in Un UNESCO*. Blackwell Publishing.
- PDRM. (2005). *Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 2005*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.
- PDRM. (2009). *Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 2009*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.
- PDRM. (2010). *Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 2010*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.
- PDRM. (2011). *Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 2011*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.
- PDRM . (2012). *Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik 2012*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman.
- Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM). (2011). Diakses daripada: <http://www.ipspemadam.blogspot.com>. Tarikh dilayari: 24 Julai 2012.
- Rashila Ramli & Nor Azizan Idris. (2013). *Keselamatan Insan Di Malaysia Dan Indonesia Dari Pemerdagangan Manusia Ke Pemanasan Global*. Bangi: Penerbit UKM.

- Rapley, J. (2004). *Globalization and Inequality: Neoliberalism's Downward Spiral*. Boulder, Colorado: Lynne Rienner.
- Rouen, K. R. D. & Bellamy, P. (2008) *International Security and the United States ; an Encyclopaedia*. Greenwood Publishing.
- Rodas, A., Bode, A., & Dolan, K. (2011). *Supply, Demand and Harm Reduction Strategies in Australian Prisons: an Update*. New South Wales: Australian National Council on Drugs.
- Saudagar Singh Kernail Singh. 1999. *The Dadah problem and its management : a review of Dadah Prevention and Control Policies, 1983-1994*. Tesis Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Sity Daud, Zarina Othman & Rashila Ramli. (2015). *Human Security and Peace in Archipelagic Southeast Asia*. Bangi: UKM publishers.
- Sity Daud dan Zarina Othman. (2005). *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Trout, B.T. & Harf J.E. (1982). *National Security Affairs: Theoretical Perspectives and Contemporary Issues*, Transactions Books, New York.
- United Nations Office on Drug and Crime (UNODC). (2000). *World Drug Report 2000* . New York: United Nations Publications.
- United Nations General Assembly (2001). *Convention against Transnational Organized Crime*. Nov.2. New York : United Nations Publications.
- United Nations Development Programme (UNDP) (1994). *Human Development Report*. United Nations: New York.
- Utusan Malaysia (15 Jun 2012). Pendekatan Menangani Masalah Dadah Perlu diubah.
- Winer, J. M. (1996). Alien Smuggling: Transnational Crime Against National Borders. *Presentation to the working Group on Organized Crime. National Strategy Information Centre*. Washington DC. October 8. Trends in Organized Crime. Winter.
- WHO. (2011) *The World Health Report*,. New York: United Nations Publications.
- Yusramizza binti Md Isa @ Yusuff. (2007). Pengedaran dadah: Undang-undang dan penguatkuasaan oleh Polis Diraja Malaysia. Tesis Sarjana, Fakulti Undang-undang , Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina Othman. (2004). 'Human Security Concepts, Approaches and Debates in Southeast Asia'. Paper Presented at the Fifth Pan-European International Relations Conference on "Constructing World Order". The Hague, Netherlands.